



## PRESS RELEASE

### COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

#### CCBD Continues To Raise Awareness On Competition Act

Date: 08 September 2023

1. The Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD) through its Executive Secretariat conducted an advocacy session on Competition Act, Chapter 253 to a cement manufacturing company last Tuesday.
2. During the opening, the Acting Head of Executive Secretariat of CCBD acknowledged the company's effort in taking proactive steps to create awareness among the key employees in creating a competition compliance culture.
3. The Executive Secretariat of CCBD began the briefing by underlining the importance of the law in promoting and protecting competition in the market to enhance economic efficiency and to uphold consumer welfare.
4. The law is intended to build healthy competition culture among businesses, giving rise to the growth of private sector and ultimately contributing to the achievement of Wawasan 2035. The competitive pressure commonly will incentivise businesses to strategise more cost-efficient ways of production, thereby offering more attractive prices to consumers. In addition, competition will also stimulate innovation among businesses, leading to more choices and higher quality of goods and services offered to consumers. Given the manifold advantages that ensue from a fair and healthy competition process, not only will the welfares of consumers, businesses including Micro, Small and Medium Enterprises, and government be significantly enhanced, it also creates an opportunity for local businesses to broaden their presence in the international market.

5. The Competition Act prohibits three anti-competitive business conducts, which are Section 11: Anti-Competitive Agreements, Section 21: Abuse of Dominant Position and Section 23: Anti-Competitive Mergers. Section 11 on Anti-Competitive Agreements, or also known as cartels, has entered into force since beginning of January 2020, and prohibits businesses from engaging in written or oral agreements to fix price, share market, limit supply and rig bids, whether expressed or implied.
6. Businesses sharing commercially sensitive information such as profit margin, costs and future prices can also be caught under the Act, even in the absence of agreements between the said businesses, as doing so may potentially facilitate business collusion.
7. The session discussed about the second key prohibition of the Act, namely Abuse of Dominant Position. This prohibition refers to businesses abusing a dominant position it holds in a particular market. It was highlighted that dominant businesses can help in achieving economic growth but it should also act responsibly and refrain from doing any abusive conducts, including imposing predatory pricing to the disadvantage to its competitors, refusal to supply without any objective justification, and engaging in exclusive dealing, with the intention to drive out competitors in the market. The advocacy session ended with an interactive dialogue and quiz.
8. The CCBD welcomes any queries, request for dialogue or briefing on the Competition Act, which can be directed to the Executive Secretariat of CCBD through email at [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn). For further information, visit CCBD's website at [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn).

\*\*\*\*\*

*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam  
Ministry of Finance and Economy*

**SIARAN MEDIA**  
**SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM**

**CCBD Terus Meningkatkan Kesedaran Mengenai Akta Persaingan**

---

Tarikh: 08 September 2023

1. Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) melalui Sekretariat Eksekutif CCBD telah mengadakan sesi advokasi mengenai Akta Persaingan, Penggal 253 kepada sebuah syarikat pengeluar simen pada Selasa lepas.
2. Semasa pembukaan sesi tersebut, Pemangku Ketua Sekretariat Eksekutif CCBD mengiktiraf usaha syarikat dalam mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan utama syarikat dalam mewujudkan budaya pematuhan persaingan.
3. Sekretariat Eksekutif CCBD memulakan taklimat dengan menggariskan kepentingan Akta Persaingan dalam mempromosi dan melindungi persaingan dalam pasaran untuk meningkatkan kecekapan ekonomi dan menjaga kebijakan pengguna.
4. Akta Persaingan bertujuan untuk membina budaya persaingan yang sihat di kalangan peniaga, yang akan meningkatkan pertumbuhan sektor swasta dan seterusnya menyumbang dalam mencapai Wawasan 2035. Tekanan persaingan lazimnya akan memberi insentif kepada peniaga untuk menyusun strategi pengeluaran yang lebih kos efisien, yang mana akan menawarkan harga yang lebih menarik kepada pengguna. Selain daripada itu, persaingan juga akan merangsang inovasi di kalangan peniaga, yang akan memperbanyak pilihan serta mempertingkatkan kualiti barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna. Proses persaingan yang adil dan sihat bukan sahaja akan menjaga kebijakan pengguna, para peniaga termasuk

perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta kerajaan, ia juga mewujudkan peluang kepada peniaga tempatan untuk meluaskan perniagaan ke pasaran antarabangsa.

5. Akta Persaingan melarang tiga kelakuan perniagaan yang bersifat anti-kompetitif, iaitu Bab 11: Perjanjian Anti-Persaingan, Bab 21: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dan Bab 23: Penggabungan Anti-Persaingan. Bab 11 mengenai Perjanjian Anti-Persaingan atau juga dikenali sebagai kartel, telah berkuat kuasa sejak awal Januari 2020, dan melarang perniagaan daripada terlibat dalam perjanjian untuk menetapkan harga, berkongsi pasaran, menghadkan bekalan dan menipu bidaan, sama ada secara nyata atau tersirat, dalam bentuk bertulis atau lisan.
6. Perniagaan-perniagaan yang berkongsi maklumat sensitif secara komersial seperti margin keuntungan, kos dan harga masa hadapan juga boleh menjadi kesalahan di bawah Akta tersebut, walau tanpa adanya perjanjian di antara perniagaan-perniagaan berkenaan. Ini adalah kerana perbuatan sedemikian berpotensi untuk mengakibatkan berlakunya pakatan sulit di antara perniagaan,
7. Sesi membincangkan tentang larangan utama kedua Akta tersebut iaitu Penyalahgunaan Kedudukan Dominan. Larangan ini merujuk kepada perniagaan yang menyalahgunakan kedudukan dominan yang dimilikinya di dalam pasaran tertentu. Turut ditekankan bahawa perniagaan dominan boleh membantu dalam mencapai pertumbuhan ekonomi, walau bagaimanapun perniagaan tersebut perlu bertindak secara bertanggungjawab dalam mengelak daripada melakukan sebarang perlakuan penindasan termasuk mengenakan harga pemangsa (*predatory pricing*) yang merugikan pesaingnya, keengganan untuk membekalkan tanpa sebarang justifikasi yang bersifat objektif, dan juga terlibat dalam urusan ekslusif (*exclusive dealing*) dengan niat untuk memacu pesaing keluar dari pasaran. Sesi advokasi diakhiri dengan dialog dan kuiz interaktif.
8. CCBD mengalu-alukan sebarang pertanyaan, permintaan untuk dialog atau taklimat mengenai Akta Persaingan, yang boleh ditujukan kepada Sekretariat Eksekutif CCBD melalui e-mel di [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn). Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang CCBD di [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) atau hubungi 2383100

\*\*\*\*\*

*Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*